

BAHAGIAN PELESENAN

SYARAT-SYARAT AM BAGI KELULUSAN LESEN KERJA-KERJA KEJURUTERAAN / PERCETAKKAN DAN PEMASANGAN KERETA BARU (CAR ASSEMBLY PLANT).

| BIL | PERKARA |
|-----|--|
| 1. | Semua barang-barang di premis hendaklah diletak / disimpan atas rak-rak / pellet berbahan tahan lama, senang dicuci dan boleh diguna semula seperti besi dan plastik dengan kemas dan teratur |
| 2. | Premis hendaklah mempunyai system bekalan air daripada Syarikat Bekalan Air Selangor (SYABAS) / Elektrik dan system pembentungan yang sempurna dan berkeadaan baik / selamat. |
| 3. | Memastikan semua mesin dan alat-alat yang digunakan adalah dalam keadaan baik dan selamat. |
| 4. | Mengadakan garisan kuning keselamatan di tempat pekerjaan / stor yang sempurna untuk laluan "fork-lift", "pellet truck" dan pekerja. |
| 5. | Memasang papan tanda "dilarang merokok", "utamakan keselamatan" dan "menggunakan alat-alat perlindungan semasa bertugas". |
| 6. | Menyediakan system loji untuk merawat kumbahan / kekotoran air / kimia / cat / minyak yang sesuai. |
| 7. | Menyediakan pusat pembuangan sampah dan tong sampah yang sempurna dan mencukupi dan sampah hendaklah dibuang setiap hari. |
| 8. | Premis hendaklah mempunyai kemudahan rawatan perubatan kecemasan yang lengkap dan mencukupi seperti peti ubat dan lain-lain alat perubatan yang perlu. |
| 9. | Mengadakan bilik rawatan / rehat pekerja yang sempurna. |
| 10. | Premis hendaklah mempunyai bilik tandas lelaki dan perempuan yang berasingan serta kemudahan-kemudahan mencuci tangan seperti sinki dan besen yang sempurna dan mencukupi. |
| 11. | Menyediakan "locker" untuk setiap pekerja. |
| 12. | Memberi nama syarikat kutipan sampah kilang yang dilesenkan oleh MDKS. |
| 13. | Memastikan semua mesin dan peralatan dalam keadaan baik dan selamat. |
| 14. | Semua premis termasuk kawasan sekitarnya hendaklah bebas daripada serangga dan rodensia / haiwan. |
| 15. | Dilarang menghalang mana-mana laluan pekerja, tempat letak kenderaan, longkang, pintu keluar / masuk dan tangga serta kaki lima, lorong dan jalan. |
| 16. | Mengadakan alat pemadam api yang sempurna dan mencukupi yang diluluskan oleh pihak bomba. |
| 17. | Setiap pekerja hendaklah memakai pakaian seragam dan menggunakan alat perlindungan yang sempurna seperti "safety shoes", "sarong tangan", "apron", "cermin mata", "ear-plug" dan sebagainya. |
| 18. | Dinding dalam di tempat pekerjaan / stor premis hendaklah disudahi bahan kalis air yang senang dicuci dan berwarna ringan seperti ubin gerlis, "epoxy", kaca, marmar, keluli dan bahan yang sama jenisnya. |

| BIL | PERKARA |
|------------|--|
| 19. | Semua barang-barang seperti kimia, cecair, minyak dan gas hendaklah disimpan dibilik / tempat yang selamat dan sempurna. |
| 20. | Lantai hendaklah berkonkrit dan kuat serta berwarna ringan (cerah) / (light colour) seperti "epoxy floor", lantai ubin, "vinyl", "floor hardener" dan bahan yang sama jenisnya. |
| 21. | Premis hendaklah mempunyai pengudaraan (ventilation) dan cahaya (lighting).yang sempurna dan mencukupi. |
| 22. | Mengadakan jawatankuasa menjaga keselamatan premis dan keselamatan pekerja. |
| 23. | Memastikan proses-proses pengeluaran barang atau produk tiada bunyi bising, kacau ganggu kepada pekerja dan orang awam atau boleh mencemarkan alam sekitar. |
| 24. | Dilarang menggunakan mana-mana bilik / ruang di premis untuk tempat tidur (penginapan) atau untuk makan dan sebagainya tanpa kebenaran MDKS. |
| 25. | Premis hendaklah mempunyai kemudahan rawatan pengolahan (kumbahan air / minyak / effluent / asap / habuk) yang sempurna sebelum di dikeluarkan ke dalam longkang awam atau udara luar menggelakkan pencemaran alam sekitar. |
| 26. | Sentiasa menjaga kebersihan dan keselamatan premis dan persekitarannya. |